

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU)**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bagaimana Kementerian mengatasi masalah bahawa banyak projek di bawah Kementerian tertangguh atas sebab PKPD. Adakah keadaan ini akan mengakibatkan belanjawan Kementerian tahun 2022 akan meningkat supaya boleh membiayai projek-projek tertangguh ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mengatasi masalah projek tertangguh dengan beberapa pengesyoran:

1. Antaranya, membuat pelaksanaan perolehan secara atas talian agar dapat mempercepat proses perolehan dan tidak menganggu jadual perancangan perolehan yang telah dirancang.
2. Kelulusan secara menyeluruh (secara project based) melibatkan semua rantaian pembekal telah dipohon dan diperolehi bagi membolehkan tapak bina beroperasi dengan segera dan optimum apabila memperolehi kelulusan untuk beroperasi.
3. Kelulusan pelaksanaan Variation of Price (VOP) juga diperolehi bagi membolehkan pelarasan harga dibuat pada bahan binaan utama akibat daripada impak kenaikan harga bahan binaan pada ketika ini

Berdasarkan perancangan JKR, projek-projek dibawah RP1 RMKe-12 yang tertangguh masih diteruskan pelaksanaannya sehingga di fasa reka bentuk dan perolehan melainkan projek yang melibatkan pelbagai isu peruntukan tidak mencukupi, skop dan brif tidak lengkap, tiada dokumen Value Assessment (VA), Notice of Change (NOC) kos dan skop serta tiada geran tanah. Manakala projek dibawah RP2 RMKe-12, kerja-kerja awalan akan dimulakan terlebih dahulu dan diteruskan dengan fasa reka bentuk konsep. Justeru kerja-kerja pembinaan akan diteruskan apabila Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan pada akhir tahun bagi mengimbangi projek-projek sambungan yang akan digerakkan ditapak bina. Menerusi kaedah ini, kerja-kerja pembinaan yang tertangguh akan dapat dibiayai dengan lebih terancang pada tahun 2022.

Kementerian bersama agensinya sentiasa mengurus selia dengan baik keadaan belanjawan keseluruhan Kementerian melalui penglibatan di dalam Jawatankuasa Pemudahcara Pelaksanaan Projek Pembangunan Negara. Pendekatan ini bagi memberi nilai tambah terhadap kualiti kerja yang mana membolehkan pihak Kementerian melaksanakan projek dengan lebih efektif bersesuaian dengan kemampuan kewangan kerajaan pada masa ini. Selanjutnya, pembinaan akan dilaksana pada tahun-tahun berikutnya apabila dijangkakan keadaan kemampuan kewangan kerajaan dan ekonomi semakin baik.

Jumlah peruntukan yang diterima oleh setiap Kementerian adalah berdasarkan kepada kelulusan daripada Agensi Pusat (Kementerian Kewangan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri) dengan mengambilkira input serta maklum balas semasa sesi libat urus yang diadakan antara Agensi Pusat dan Kementerian-kementerian. Kementerian Kerja Raya sentiasa memastikan peruntukan yang akan diterima digunakan secara optimum bagi memastikan pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur yang telah diluluskan di bawah Kementerian Kerja Raya berjalan dengan lancar mengikut perancangan.

Sekian, terima kasih.